PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN LANTIKAN**
***CONTRACT OF SERVICE* (COS)**

**PENOLONG JURUTERA, GRED JA29**

1. (a) **Jawatan** : Penolong Jurutera, Gred JA29

   (b) **Badan Berkanun/ Bahagian/ Seksyen** : Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB)/ Bahagian Perancangan Pembangunan dan Ekonomi/ Seksyen Kejuruteraan

   (c) **Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana

   (d) **Klasifikasi Perkhidmatan** : Kejuruteraan

2. **Jadual Gaji** :

| Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|---|---|---|
| RM1,549.00 | RM5,701.00 | RM145.00 |

3. **Syarat Lantikan** :

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

   (c) Mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurang seperti berikut:

   (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
   (Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1,549.00);

   atau

   (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
   (Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1,935.02)

   (d) Hendaklah memiliki Kepujian (sekurang - kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. **Taraf Jawatan** : Lantikan *Contract of Service* (COS)

5. **Fungsi Bidang Tugas/ Senarai/ Deskripsi Tugas** : Sebagaimana rujukan di **Lampiran A**.

**Lampiran A**

# SENARAI TUGAS
# PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU (PKB)

| | | |
|---|---|---|
| **NAMA JAWATAN** | : | **PENOLONG JURUTERA** |
| **GRED** | : | **JA29** |
| **PERKHIDMATAN** | : | **BUKAN GUNASAMA** |
| **TANGGUNGJAWAB KEPADA** | : | **i) KETUA PENOLONG PENGARAH (JURUTERA)**<br>**ii) PENGARAH PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN EKONOMI** |

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :**

i. Membantu Jurutera dalam merancang, menyelaras, memantau dan melaksana dengan cekap dan berkesan semua dasar dan program pembangunan fizikal Perbadanan;

ii. Membantu Jurutera dalam merancang dan menyelaras projek infrastruktur utiliti;

iii. Membantu Jurutera dalam menyelaras, menyediakan jadual, melawat tapak dan menyediakan laporan Lawatan Tapak/Turun Padang (TUPA) YB Menteri, KSU, KPE, yang berkaitan projek/program di Kampong Bharu;

iv. Membantu Jurutera dalam menyelaras dan menyediakan persiapan bagi sesi pemeriksaan dokumen dan lawatan tapak projek pembangunan KBCorp oleh Pasukan Inspektorat ICU, JPM;

v. Membantu Jurutera dalam menyediakan jadual dan menyelaras pembentangan laporan penilaian *outcome* oleh agensi;

vi. Membantu Jurutera dalam menyedia laporan kemajuan projek-projek pembangunan di Kampong Bharu;

vii. Membantu Jurutera dalam mengadakan, memantau serta menilai dan melaporkan lawatan tapak projek-projek pembangunan di Kampong Bharu sama ada di bawah Perbadanan mahupun agensi kerajaan, GLC dan swasta;

viii. Menerima dan menjalankan tugas berdasarkan arahan dari masa ke semasa termasuk memberi khidmat sokongan pada program/ aktiviti PKB.

PERBADANAN PEMBANGUNAN
KAMPONG BHARU

# IKLAN PENGAMBILAN JAWATAN
# KONTRAK PERKHIDMATAN PERSONEL MYSTEP
# DI PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPOG BHARU (PKB)

## SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN LANTIKAN

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB), ingin mempelawa yang memenuhi syarat-syarat lantikan seperti berikut:

i) **warganegara Malaysia;**
ii) **berumur tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
iii) hendaklah **memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Bagi mengisi kekosongan **SEGERA** lantikan kontrak Personel MySTEP di PKB, untuk jawatan-jawatan berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| **TEMPOH** | : | **BULAN**<br>(Mulai Mac - Disember. **Penyambungan kontrak boleh dipertimbangkan mengikut peraturan semasa)** | |
| **KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN** | : | **1) Cuti Rehat (12 hari/setahun)**<br>**2) Cuti Sakit (14 hari/setahun)**<br>**3) Perlindungan Sosial** | Dikira secara purata *(pro rate)* berdasarkan tempoh kontrak<br>Caruman KWSP & PERKESO |

| BIL. | JAWATAN MySTEP | UPAH BULAN BERDASARKAN SASARAN OUPUT | SYARAT KELAYAKAN/ UPAH BULAN SENARAI TUGAS MySTEP | KEKOSONGAN | PENEMPATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pembantu Tadbir (P/O) | RM1,600.00 | 1) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br>atau<br>2) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>atau<br>3) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>4) Boleh menggunakan perisian Microsoft Office dengan baik.<br>5) Boleh bekerja di bawah pengawasan yang minimum dan menyiapkan tugasan dalam tempoh yang ditetapkan. | 1 | Seksyen Pengurusan<br><br>Bahagian Pengurusan dan Komunikasi Korporat<br><br>**[1 jawatan]** |

**CARA MEMOHON**

(a) Calon-calon yang berminat bolehlah mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

   (i) Resume;
   (ii) Salinan Sijil Kelahiran;
   (iii) Salinan Kad Pengenalan;
   (iv) Salinan Berhenti Sekolah
   (v) Salinan Sijil-sijil Pendidikan yang berkaitan
   (vi) Salinan Sijil SPM/ STPM/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan;
   (vii) Sekeping gambar terbaru berukuran pasport (tidak dikembalikan); dan
   (viii) Salinan sijil-sijil ko-kurikulum.

(b) Setiap salinan Sijil/ Dokumen hendaklah **disahkan** oleh Pegawai Kerajaan (Kumpulan Pengurusan/ Profesional)/ Pengetua Sekolah/ Wakil Rakyat/ Penghulu/ Ketua Kampung).

(c) Permohonan berikut **akan ditolak** tanpa diberi sebarang jawapan:

   (i) Tidak mengemukakan dokumen yang diperlukan; dan
   (ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan.

(d) Pemohon hendaklah **menulis nama jawatan yang dipohon pada <u>penjuru kiri</u>** atas sampul surat yang dihantar.

(e) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif**
**Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu**
**Aras Bawah, 1 & 2, Rumah ROHAS,**
**Lot 61, Jalan Raja Abdullah**
**Kampong Bharu**
**50300 KUALA LUMPUR.**
**(u.p : Seksyen Pengurusan)**

(f) Tarikh Iklan : **10 Mac 2021 (Rabu)**

(g) Tarikh Tutup : **23 Mac 2021 (Selasa)**

(h) Catatan Am :

(i) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan dan senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad; dan

(ii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup** hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.

(iii) Tempoh sahlaku permohonan adalah selama enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan.

**MAKLUMAT TERPERINCI DAN SYARAT- SYARAT KELAYAKAN**

Cara memohon, maklumat terperinci mengenai jawatan ini dan **Syarat-Syarat Kelayakan dan Lantikan** untuk memohon jawatan di atas boleh diperolehi melalui laman web http://www.pkb.gov.my.